

# Media sosial platform siar komen negatif, dakyah politik jejas keharmonian kaum

Oleh Nas Norziela Nasbah  
nasnorziela@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Media sosial adalah satu daripada platform popular yang mempunyai peranan besar dalam kehidupan masyarakat kini.

Penggunaan Instagram, Facebook; Twitter; WhatsApp dan Telegram dalam kalangan masyarakat tidak kira peringkat umur bagaikan, 'nyawa' kerana bukan sekadar untuk mendapatkan maklumat malah ada yang menjadikan platform media sosial sebagai medan

meluahkan perasaan.

Selain itu, pembabitan aktif mahasiswa masa kini yang terbabit dalam dunia perniagaan tidak kira secara dalam talian atau langsung, juga tidak terlepas menggunakan media sosial sebagai platform mereka membuat pemasaran dan promosi.

Namun apa yang membimbangkan, ketagihan mahasiswa atau golongan belia terhadap penggunaan media sosial dalam diri mereka boleh menyumbang kepada kurangnya adab dalam mereka berkomunikasi.

Berdasarkan kajian oleh Cress (2010), 76 peratus individu yang mendapatkan rawatan untuk masalah ketagihan media mengalami masalah kemurungan, manakala 24 peratus selebihnya pula mengalami masalah gangguan kebimbangan.

Keadaan ini menjurus kepada semakin banyak penggunaan media sosial, semakin besar kemungkinan mereka akan mengalami masalah kesihatan mental seperti tidak mahir bersosial, kemurungan dan keresahan (Cress, 2010).